

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HKB 413 Karya-Karya Terpilih Dari Kesusasteraan Amerika Latin

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Pola penceritaan yang berlandaskan kematian amat ketara dalam “**Goodbye Mother**” dan “**The Handsomest Drowned Man in the World**”. Namun tujuan cerpen-cerpen berkenaan memperlihatkan kelainan dalam pemilihan pengalaman dan kelainan kaedah dalam pembentukan pengalaman itu. Bincangkan.
2. Ciri-ciri hiperbola, ekstravaganza dan keajaiban dalam **The Incredible and Sad Tale of Innocent Erendira and Her Heartless Grandmother** amat menonjol. Apakah teknik penceritaan sebegini rupa dapat mempertahankan karya ini sebagai sebuah karya seni yang bermutu tinggi? Bincangkan.
3. Keunikan **Big Mama’s Funeral** terletak pada gaya bahasa ironisnya, leluconnya yang berlebih-lebihan dan majas-majasnya yang keterlaluan kepiuhannya. Bincangkan.
4. Suasana hati dan cuaca panas musim kemarau yang masing-masing melatari “**One of These Days**” dan “**Tuesday Siesta**” amat berkesan ditangani oleh pengarang khusus untuk memperolehi keberkesanan pada perwatakan. Bincangkan.
5. While everyone had been hoping he would be shot in the back in an ambush, his widow was certain she would see him die an old man in his bed, having confessed and painlessly, like a modern-day saint.

Petikan dari Montiel’s Widow ini adalah titibalik (turning point) untuk meletakkan watak janda Montiel dalam satu konflik dalaman antara realiti yang tidak pernah dikenalnya dengan harapan yang terbabas dari realiti itu. Bincangkan.

6. Sejauh manakah unsur realisme magis yang dominan dalam “**A Very Old Man With Enormous Wings**” bertentangan dengan unsur keagamaan dalam “**The Proof**”? Bincangkan.

7. Elemen kelembapan, kebosanan, perulangan demi perulangan dan keremehtemahan dalam langgam penceritaan **No One Writes To The Colonel** adalah jelas disengajakan untuk memperlihatkan dilema kehidupan masa tua Colonel dalam dunia yang tidak lagi sedia menerima penghuninya. Bincangkan.